



20 Jun 2014
20 June 2014
P.U. (A) 167

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 3) 2014

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 3) ORDER 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 3) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2014.**

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2013.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“pelaburan” ertinya pemegangan saham, yang dibayar dengan tunai, berkenaan dengan saham biasa dalam suatu syarikat penerima pelaburan;

“pelabur mangkin” ertinya individu yang disebut dalam subsubperenggan 5(a);

“syarikat penerima pelaburan” ertinya syarikat yang disebut dalam subsubperenggan 5(b).

Pengecualian

3. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), (3) dan (4), Menteri mengecualikan seseorang pelabur mangkin, berkenaan dengan pendapatan agregatnya bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, daripada pembayaran cukai pendapatan dalam tahun taksiran kedua selepas tahun taksiran yang suatu pelaburan dibuat oleh pelabur mangkin itu dalam suatu syarikat penerima pelaburan.

(2) Amaun cukai pendapatan yang dikecualikan di bawah subperenggan (1) hendaklah suatu amaun yang sama dengan amaun pelaburan yang dibuat oleh pelabur mangkin itu dalam syarikat penerima pelaburan itu.

(3) Jika amaun pelaburan yang disebut dalam subperenggan (2) melebihi pendapatan agregat pelabur mangkin itu bagi tempoh asas bagi tahun taksiran yang disebut dalam subperenggan itu, lebihan amaun itu tidak boleh dibayar balik kepada pelabur mangkin itu atau digunakan sebagai kredit untuk tolakan liabiliti cukainya bagi tahun taksiran itu atau mana-mana tahun taksiran yang berikutnya.

(4) Pengecualian di bawah perenggan ini adalah tertakluk kepada—

- (a) pelaburan itu tidak dilupuskan, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, dalam masa dua tahun dari tarikh pelaburan itu dibuat; dan
- (b) syarat yang dinyatakan oleh Menteri dalam surat kelulusan bagi pelaburan itu telah dipatuhi.

(5) Tiada apa-apa dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan seseorang pelabur mangkin daripada mematuhi apa-apa kehendak bagi mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain di bawah peruntukan Akta.

Penarikan balik pengecualian cukai

4. Menteri boleh menarik balik pengecualian cukai yang diberikan di bawah perenggan 3 jika pelabur mangkin itu gagal untuk mematuhi syarat yang dinyatakan oleh Menteri dalam surat kelulusan bagi pelaburan itu.

Pemakaian

5. Perintah ini terpakai bagi—

- (a) pelabur mangkin—
 - (i) yang bermastautin di Malaysia dan punca pendapatannya tidak diperoleh daripada perniagaan semata-mata;

- (ii) yang telah membuat permohonan kepada Menteri pada atau selepas 1 Januari 2013 tetapi tidak lewat dari 31 Disember 2017 untuk membuat pelaburan dalam syarikat penerima pelaburan;
 - (iii) yang tidak mempunyai ibu atau bapa, termasuklah ibu atau bapa mertua, anak, termasuklah anak tiri atau anak angkat mengikut mana-mana undang-undang, abang, kakak atau adik, atau datuk, nenek atau cucu, atau suami atau isteri, yang membuat apa-apa pelaburan dalam syarikat penerima pelaburan itu;
 - (iv) yang pelaburannya adalah semata-mata bagi maksud pembiayaan aktiviti syarikat penerima pelaburan itu sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri; dan
 - (v) yang pelaburannya itu tidak melebihi tiga puluh peratus daripada jumlah modal saham berbayar syarikat penerima pelaburan itu; dan
- (b) syarikat penerima pelaburan—
- (i) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan bermastautin di Malaysia;
 - (ii) yang sekurang-kurangnya lima puluh satu peratus modal saham biasanya yang diterbitkan dimiliki secara langsung oleh pemegang saham (selain pelabur mangkin) yang merupakan warganegara; dan
 - (iii) yang menjalankan aktiviti yang diluluskan oleh Menteri.